

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



WWW.WADAH.ORG.MY



SERAHAN PEK CERIA DAPUR KEPADA ORANG ASLI

HULU LANGAT, 3 MAC 2025 – Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Yayasan Taqwa dan Pusat Tunas Nahdah telah berjaya melaksanakan program Agihan Pek Ceria Dapur di Perkampungan Orang Asli Sungai Gabai, Hulu Langat, Selangor. Program yang berlangsung pada hari Isnin melibatkan seramai 50 buah keluarga Orang Asli yang menerima manfaat daripada sumbangan tersebut. Acara serahan disempurnakan oleh Tok Batin Kampung.

Selain daripada aspek kebajikan, program ini juga mempunyai objektif



utama untuk memahami konsep institusi sosial dan kemasyarakatan Orang Asli dalam konteks kepelbagaiannya budaya

serta memperkuatkan manhaj dakwah kepada golongan yang baru atau telah lama memeluk agama Islam.

PROJEK BUBUR LAMBUK



6 MAC 2025 - Sempena kehadiran bulan mulia, Tunas Nahdah telah menganjurkan Projek Bubur Lambuk di bawah Program Salam Ramadan sebagai salah satu inisiatif tahunan untuk menyemarakkan semangat kebersamaan serta memperkuuh nilai keprihatinan dalam kalangan masyarakat se-tempat.



MAJLIS IFTAR

JAMA'IYY WADAH - ABIM - PKPIM DI KOMPLEKS DAR AL-HIKMAH PIMPINAN

KAJANG, 8 MAC 2025 – Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), YBhg. Dato' Ahmad Azam Ab Rahman menegaskan kepentingan memperkuuh peranan dakwah dalam mendepani cabaran global semasa menyampaikan amanat pimpinan dalam Majlis Iftar Jama'iyy & Malam Bina Iman dan Taqwa Ramadan di Kompleks



Darul-Hikmah, Sungai Ramal Dalam.

Beliau menekankan bahawa Malaysia berpotensi menjadi pusat rujukan dakwah Islam yang bersifat Rahmatan lil 'Alamin, mengambil inspirasi daripada kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang secara konsisten menziarahi komuniti Muslim di pelbagai negara. Menurutnya, keterbukaan dalam dakwah perlu diperluaskan agar tidak hanya berpusat kepada satu kelompok masyarakat sahaja, tetapi merangkul semua golongan dengan nilai kasih sayang dan keterbukaan.

Dalam ucapannya, Dato' Ahmad Azam menekankan bahawa amanah dakwah merupakan suatu kewajipan bagi umat Islam, sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat."

Beliau mengingatkan bahawa gerak-

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



an dakwah harus diperluas bukan hanya dalam kalangan umat Islam tetapi juga kepada bukan Islam, bagi menampilkan Islam sebagai rahmat bagi seluruh alam.

Sebagai tanda penghargaan, majlis turut menyaksikan penyerahan sumbangan kepada para muallaf yang hadir mewakili Persatuan Saudara Baru Al-Kauthar. Sejurus sebelum berbuka, para hadirin mengambil kesempatan untuk bermuhasabah serta memperbanyakkan doa sebelum azan Maghrib dikumandangkan pada jam 7.27 malam, menandakan masuknya waktu berbuka puasa.





MABIT SEMPENA IFTAR JAMA'IY WAP

BANDAR BARU BANGI, 9 MAC 2025 –

Surau Ar-Raudhah, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi menjadi saksi kepada penganjuran program Malam Bina Iman dan Taqwa Ramadan (MABIT) yang dianjurkan oleh WADAH, ABIM, PKPIM serta agensi bersama Persatuan Saudara Baru Al-Kauthar. Program ini berlangsung dari 8 hingga 9 Mac 2025 dengan matlamat memperkuatkhan ukhuwah serta penghayatan ibadah dalam kalangan peserta sempena bulan Ramadan.

Program ini dimulakan dengan ketibaan para muktaif padajam 11:00 malam bagi persiapan istirehat sebelum bangun untuk beribadah pada awal pagi. Seawal jam 4:15 pagi, para

peserta mengerjakan Solat Malam secara berjemaah, seperti Solat Sunat Tahajjud, Solat Sunat Tasbih dan Solat Sunat Taubat diikuti dengan tilawah al-Quran dan munajat, menyemarakkan suasana spiritual Ramadan. 45 minit sebelum waktu Subuh, para hadirin dihidangkan dengan jamuan makan sahur selari dengan sunnah Rasul berpuasa.

ANTARA ISI UTAMA KULIAH TERMASUK:

► Kelebihan Qiyamullail

Mereka yang mampu bangun malam untuk beribadah memiliki kedudukan istimewa di sisi Allah.

► Perubahan syariat puasa

Puasa pada zaman dahulu berbeza dengan syariat puasa dalam Islam hari ini. Rasulullah SAW memperkenalkan perubahan secara berperingkat sehingga kita mendapat kaedah berpuasa yang diamalkan kini.

► Manfaat puasa kepada kesihatan

Puasa mempunyai kesan positif terhadap tubuh seperti detoksifikasi, meningkatkan imuniti, dan menguatkan otak melalui proses yang dikenali sebagai autophagy.

► Ramadan sebagai bulan pembinaan diri

Bulan ini adalah masa untuk melatih amalan ibadah seperti solat sunat, tilawah al-Quran, dan sedekah, supaya ia menjadi kebiasaan sepanjang tahun.

MABIT: MEMBUDAYAKAN PEMBINAAN ROHANI

SEUSAI Solat Subuh berjemaah, para hadirin meluangkan masa untuk menghidupkan pagi Ramadan dengan bacaan al-Mathurat Kubra secara berjemaah. Al-Mathurat, yang merupakan himpunan doa dan zikir warisan Rasulullah SAW, menjadi amalan penting dalam menguatkan rohani serta meningkatkan kesedaran tentang pergantungan kepada Allah SWT.



SYARAHAN KHAS PRESIDEN WADAH SEMPENA SEMINAR MEMBONGKAR DARAH EMAS ALAM MELAYU: MENGANALISIS SEJARAH DAN GEOPOLITIK HULU



KUALA LUMPUR, 9 MAC 2025 – Anjung Melayu, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia menjadi saksi kepada penganjuran seminar istimewa bertajuk Membongkar Darah Emas Alam Melayu, yang berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang. Seminar ini menampilkan dua tokoh utama, iaitu Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Haji Ahmad Azam Abd Rahman, serta pengkaji dan penulis sejarah, Bonda Tun

Suzana Hj. Othman.

Dalam syarahan khas presiden yang bertajuk Cabaran Geopolitik di Alam Melayu, Dato' Haji Ahmad Azam membincangkan bagaimana umat Islam perlu memahami dinamika geopolitik global dalam menghadapi cabaran masa kini. Beliau menekankan bahawa kebangkitan umat Islam tidak boleh dipisahkan daripada konteks sejarah dan strategi dakwah yang berkesan.

Mesyuarat Penyelarasan Program NAHDAH di Parlimen Bandar Tun Razak



KUALA LUMPUR, 9 MAC 2025 – Mesyuarat Penyelarasan Program Nahdah Parlimen Bandar Tun Razak telah diadakan dengan lancar pada hari ini, melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), serta wakil komuniti setempat.

Mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan Program Nahdah, satu inisiatif pembangunan bersepadu yang menumpukan kepada aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan kerohanian demi manfaat penduduk Parlimen Bandar Tun Razak.

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



PUTRAJAYA, 9 MAC 2025 – Dato' Ahmad Azam bin Abdul Rahman, Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) yang juga merupakan Penasihat Khas Menteri Luar Negeri, telah menyampaikan sesi bertajuk "Membina Generasi Ummatik dalam Menghadapi Cabaran Geopolitik Dunia" dalam Bengkel Kerja Reformasi Sekolah ke Arah Melestarikan Kecemerlangan Sekolah Berasrama Penuh anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Dalam perkongsiananya, beliau menegaskan bahawa umat Islam sedang menghadapi cabaran besar dalam geopolitik global dan menyorot kepentingan membentuk generasi ummatik yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga memahami tanggungjawab dalam memperjuangkan keadilan dan hak umat Islam sejagat.

REFORMASI SEKOLAH SBP: MEMBINA GENERASI UMMATIK DALAM MENGHADAPI CABARAN GEOPOLITIK DUNIA



PERTEMUAN BERSAMA KETUA PENGARAH JAKIM

11 MAC 2025 - Satu pertemuan bersama Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin Bin Suhaimee telah diadakan bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan hal ehwal Islam dan pembangunan komuniti. Pertemuan ini bertujuan membincangkan pelbagai aspek kerjasama strategik dalam memperkasakan agenda dakwah, pembangunan masyarakat serta penglibatan organisasi masyarakat sivil dalam memartabatkan nilai-nilai Islam diperingkat nasional.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH



MESYUARAT FIKRAH MADANI DI YADIM

KUALA LUMPUR, 12 MAC 2025 –

Mesyuarat Fikrah Madani anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah berlangsung dengan jayanya hari ini, bertempat di Ibu Pejabat YADIM, menampilkan penyertaan daripada pelbagai wakil NGO Islam, akademik dan pemimpin komuniti. Mesyuarat ini bertujuan memperhalusi pendekatan dan pelaksanaan inisiatif Fikrah Madani, yang berasaskan gagasan Malaysia MADANI, dengan fokus kepada pemerkasaan pemikiran Islam yang inklusif, progresif dan berteraskan nilai rahmah.



EXCO WADAH SEBAGAI PANEL DALAM PROGRAM DI PEJABATANGKATAN PERTAHANAN AWAM

KAJANG, 13 MAC 2025 – Bahagian Pengurusan Latihan IPPA telah menganjurkan program Saya Orang Siaga (S.O.S) Siri 2/2025 dengan tema “Ramadan Bulan Ibadah Menjemput Barokah”. Program ini diadakan di Auditorium Tun Teja, Ibu Pejabat Pertahanan Awam dan bertujuan untuk memberi penghayatan lebih mendalam mengenai keberkatan Ramadan serta kepentingan meningkatkan amal ibadah sepanjang bulan mulia ini.



PRESIDEN WADAH HADIR KE PROGRAM IHYA RAMADHAN DI WADAH TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 15 MAC 2025

- Presiden WADAH, YBhg. Tuan Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menghadiri Program Ihya' Ramadan anjuran WADAH Terengganu yang berlangsung dalam suasana penuh keberkatan dan ukhuwah di Kampung Tok Jiring, Kuala Terengganu.

Program ini turut diserikan dengan pelbagai pengisian bermanfaat seperti tazkirah Ramadan, iftar jama'i, solat berjemaah, serta sesi interaksi santai bersama Presiden WADAH. Dalam ucapannya, Tuan Haji Ahmad Azam menekankan pentingnya penghayatan Ramadan sebagai medan tarbiah yang mampu membentuk kekuatan rohani, memperkuuh perpaduan dan memperhebatkan gerak kerja dakwah di peringkat komuniti.



JOM DAFTAR AHLI WADAH



MAJLISIFTAR JAMAIY WADAH KELANTAN

15 MAC 2025 - WADAH Kelantan telah mengajurkan program Iftar Jama'i sempena bulan Ramadan bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli serta masyarakat setempat. Iftar Jama'i ini merupakan acara tahunan yang digerakkan oleh WADAH Kelantan sebagai usaha memperkuuh hubungan ukhuwah sesama ahli gerakan serta menyemai semangat kebersamaan dalam bulan yang penuh rahmat ini. Para peserta turut berpeluang mendengar tazkirah Ramadan sebelum waktu berbuka, sekali gus menambah nilai rohani dalam pengisian program.





SUMBANGAN PUSAT INFAQ WADAH KEPADA ORANG ASLI BAGAN LALANG

16 MAC 2025 - Pusat Infaq WADAH telah menyantuni masyarakat Orang Asli di kawasan Bagan Lalang menerusi program penyerahan sumbangan sebagai sebahagian daripada inisiatif ihsan dan kebajikan sempena bulan Ramadan. Program ini merupakan usaha berterusan WADAH untuk memperluas jaringan dakwah dan kebajikan, khususnya kepada komuniti yang memerlukan, termasuk masyarakat peribumi yang sering terpinggir dari arus pembangunan.



IFTAR JAMA'IY WADAH PAHANG

16 MAC 2025 - WADAH Pahang telah menganjurkan Majlis Iftar Jama'iy menghimpunkan ahli-ahli, pimpinan WADAH serta wakil-wakil masyarakat dalam suasana penuh muhibah dan keberkatan. Majlis ini bertujuan menyemarakkan semangat ukhuwah sesama ahli sempena kehadiran bulan Ramadan yang mulia, di samping memperkuuh komitmen dalam gerak kerja dakwah dan pembangunan ummah di negeri Pahang. Antara pengisian utama ialah tazkirah Ramadan, bacaan doa, iftar berjemaah, serta sesi santai bersama pimpinan negeri yang turut menyampaikan amanat ringkas berkaitan hala tuju perjuangan WADAH.



STAF WADAH MEMBUAT PERSIAPAN PEK CERIA RAYA (PCR)

19 MAC 2025 – Presiden WADAH bersama beberapa wakil pimpinan telah mengadakan satu pertemuan istimewa bersama tokoh ilmuwan tersohor, Sheikh Muhammad Idris Alcaraz, dalam usaha memperkuuh jaringan keilmuan dan dakwah peringkat antarabangsa.

Sheikh Muhammad Idris berkongsi pandangan berharga berkenaan cabaran kontemporari umat Islam serta peranan organisasi seperti WADAH dalam memperkuuh kefahaman Islam yang wasatiyyah dan berpaksikan ilmu.



MESYUARAT KADERISASI PKPIM BERSAMA PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG

18 Mac 2025 - Penolong Setiausaha Agung (PSUA) telah menyertai satu mesyuarat bersama pimpinan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dalam usaha merangka program yang boleh digerak bersama.

Projek salam ramadan DI PERINGKAT WADAH PUSAT 1446H

PCR WADAH SELANGOR

22 MAC 2025 - WADAH Selangor telah menganjurkan Program Pek Ceria Raya sebagai usaha menyemarakkan sambutan Aidilfitri dalam kalangan golongan yang memerlukan. Program ini menyaksikan pengagihan pek raya berisi barang keperluan harian dan juadah raya kepada keluarga kurang berkecukupan di sekitar Selangor. Inisiatif ini dijayaikan hasil sumbangan orang ramai dan semangat kesukarelawanan ahli-ahli WADAH.



ZIARAH HOSPITAL SERDANG

PROGRAM Ziarah Hospital Serdang anjuran WADAH SELANGOR telah berlangsung dengan penuh rasa kasih dan keprihatinan terhadap pesakit yang sedang menerima rawatan. Kunjungan ini melibatkan penyampaian sumbangan berbentuk pek makanan, buah tangan serta kata-kata semangat kepada para pesakit dan petugas kesihatan






PROGRAM BUBUR LAMBUK BERSAMA PUSAT INFORMASI ISLAM MAIS

12 MAC 2025 - WADAH Selangor dengan kerjasama Pusat Informasi Islam MAIS telah berjaya menganjurkan Program Bubur Lambuk Ramadan dalam suasana penuh semangat gotong-royong dan ukhuwwah. Program ini bertujuan menyemarakkan bulan Ramadan serta menyantuni masyarakat setempat.

PCR WADAH PERLIS

23 MAC 2025 - Seramai 30 penerima terdiri daripada OKU, Asnaf, Muallaf dan Warga emas di sekitar Kangar, Perlis telah mendapat Pek Ceria Raya. Semua AJK WADAH Perlis turut serta dalam menjayakan program penyerahan tersebut.



ZIARAH HOSPITAL TUANKU FAUZIAH, KANGAR

24 MAC 2025 - Seramai 50 pesakit adalah daripada Wad C3 dan C4 Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis. Penyerahan disempurnakan oleh Pengurus Syura Perlis, Dr Yus'aiman Yusoff kepada Ketua Jururawat Wad C3 & C4.

PCR WADAH PAHANG

PROGRAM PCR yang telah dirancang di peringkat Pusat antara WADAH dan Yayasan Taqwa telah berjaya dilaksanakan oleh Jemaah WAPI di negeri Pahang.



ZIARAH HOSPITAL SULTAN AHMAD SHAH MEDICAL CENTRE

PROGRAM ini telah dilaksanakan pada 22 Mac 2025 bersamaan 21 Ramadan 1446H di Sultan Ahmad Shah Medical Centre @ IIUM (SASMEC), Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan Pahang Darul Makmur.



PCR WADAH MELAKA

PADA 26 MAC 2025, WADAH Melaka dengan kerjasama Yayasan Taqwa telah menganjurkan program Pek Ceria Raya yang menyasarkan komuniti Muslim Cina di bawah naungan MACMA Melaka. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat Ramadan dan Aidilfitri melalui sumbangan pek makanan dan keperluan asas kepada golongan sasaran.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



ZIARAH HOSPITAL DAERAH JASIN

PADA 25 MAC 2025, WADAH Melaka telah mengadakan program ziarah ke Hospital Jasin sebagai sebahagian daripada inisiatif kebijakan sempena bulan Ramadan. Program ini bertujuan untuk menyantuni pesakit dan kakitangan hospital melalui penyampaian sumbangan serta sokongan moral.



PCR WADAH KEDAH

13 MAC 2025 - Satu majlis penyerahan Pek Ceria Raya telah diadakan dengan jayanya kepada wakil Seri Al-Ma'arif. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat Ramadan dan Aidilfitri dengan menyampaikan sumbangan berbentuk barang keperluan kepada mereka yang memerlukan.



SERAHAN PCR DAN DUIT RAYA: HOSPITAL DAERAH PENDANG

24 MAC 2025 - Hospital Daerah Pendang hari ini menerima sumbangan kit ujian PCR dan duit raya dalam satu majlis ringkas yang berlangsung dengan kehadiran YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Program ini bertujuan meringankan beban petugas kesihatan serta menyemarakkan semangat Ramadan. Sumbangan tersebut turut mencerminkan penghargaan kepada warga kerja hospital yang terus komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.



AGIHAN BUBUR LAMBUK



WADAH KEDAH meneruskan tradisi tahunan dengan menganjurkan program agihan bubur lambuk kepada masyarakat setempat. Penduduk yang hadir turut menzahirkan rasa syukur dan terima kasih atas usaha murni yang dijalankan, khususnya dalam membantu mereka yang memerlukan.



PCR WADAH JOHOR

24 MAC 2025 - Sebagai tanda keprihatinan dan usaha menyemai semangat menjelang Aidilfitri yang bakal tiba, Wadah Johor telah mengadakan program Serahan Pek Ceria Raya yang berlangsung di Masjid Jamek Gemereh, Segamat. Serahan pek yang mengandungi barang asas keperluan harian dan barang raya telah disampaikan kepada penduduk setempat yang terdiri daripada 30 buah keluarga. Kehadiran para sukarelawan serta kerjasama erat pihak Masjid Jamek Gemereh turut memainkan peranan penting dalam menjayakan program ini dengan lancar dan teratur.



ZIARAH HOSPITAL MERSING

16 MAC 2025 - Seramai 50 orang pesakit telah disantuni dalam program Ziarah Hospital Mersing, yang melibatkan lawatan ke beberapa buah wad dengan penyerahan sumbangan berupa pek makanan, barang keperluan harian dan pemberian kata-kata semangat. Selain para pesakit, petugas kesihatan turut dihargai sebagai penghargaan atas jasa dan dedikasi mereka. Program ini diadakan sebagai usaha menyemai nilai kasih sayang, empati dan sokongan moral kepada mereka yang memerlukan perhatian semasa bulan mulia ini.



AGIHAN BUBUR LAMBUK



27 MAC 2025 - Satu program Agihan Bubur Lambuk telah diadakan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SMK Sri Gading, Batu Pahat, Johor. Program ini telah menyantuni 71 keluarga dan mangsa banjir yang ditempatkan di PPS berkenaan serta pelajarpelajar asrama SMK Sri Gading. Agihan bubur lambuk ini dijalankan sebagai simbolik kasih sayang dan solidariti masyarakat terhadap mereka yang sedang diuji dengan bencana alam lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan.

PERTEMUAN PRESIDEN & WAKIL PIMPINAN WADAH BERSAMA SHEIKH MUHAMMAD IDRISY ALCARAZ

19 MAC 2025 – Presiden WADAH bersama beberapa wakil pimpinan telah mengadakan satu pertemuan istimewa bersama tokoh ilmuwan tersohor, Sheikh Muhammad Idrisy Alcaraz, dalam usaha memperkuuh jaringan keilmuan dan dakwah peringkat antarabangsa.

Sheikh Muhammad Idrisy berkongsi pandangan berharga berkenaan cabaran kontemporari umat Islam serta peranan organisasi seperti WADAH dalam memperkuuh kefahaman Islam yang wasatiyyah dan berpaksikan ilmu.

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



FORUM REPUBLIK TÜRKİYE

KUALA LUMPUR, 21 MAC 2025 – Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menyertai Sidang Meja Bulat Antarabangsa bertemakan "A Fairer World is Possible" yang diadakan di Hotel Four Seasons Kuala Lumpur.



PROGRAM BANTUAN MADANI RAKYAT: SERAHAN PEK CERIA RAYA

KUALA LUMPUR, 22 MAC

2025 - Program Bantuan Madani Rakyat: Serahan Pek Ceria Raya telah diadakan di Masjid Azzubair Ibn Awwam, Kuala Lumpur, sebagai inisiatif menyampaikan bantuan kepada golongan yang memerlukan menjelang bulan Ramadan. Seramai 220 penerima dari 21 tempat sekitar Kuala Lumpur menerima Pek Ceria Raya, yang mengandungi beras, barang dapur, dan kuih raya.



PRESIDEN WADAH DI PROGRAM MINI IHYA' RAMADAN 1446H

GOMBAK, 22 MAC 2025 – Gagasan Madani menggariskan prinsip pembangunan masyarakat yang harmoni, berilmu, dan berakhlik, sejajar dengan nilai-nilai Islam dan kemajuan sejagat. Demikian penegasan Presiden Wadah Pencerdasan

Umat Malaysia (WADAH) dalam ucapannya ketika merasmikan Projek Mini Ihya' Ramadan 1446H anjuran Persatuan Pelajar Islam Selangor Darul Ehsan (PEPIAS) Cawangan Gombak di Pusat Akar Budi UIAM, Gombak.



SUMBANGAN PEK CERIA RAYA BANTU GOLONGAN OKU SEKITAR BANGI

BANGI, 23 MAC 2025 – Seramai 30 penerima dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) dari sekitar Bangi dan kawasan berhampiran telah menerima sumbangan Pek Ceria Raya dalam satu majlis anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) melalui program Pusat Tunas Nahdah. Serahan pek berlangsung di Surau Al-Sobah, Seksyen 3, Bangi, dengan kerjasama Pertubuhan Kebangsaan Advokasi Pendidikan dan Kesejahteraan OKU (ADVO OKU SEJAHTERA) serta tajaan dana oleh Yayasan Taqwa (MAIWP).



AGIHAN PEK CERIA RAYA KEPADA SAUDARA BARU



PRESIDEN WADAH HADIR KEIFTAR RAMADHAN MUSLIM KEMBOJA

PHNOM PENH, 24 MAC 2025 – Sebagai tanda penghargaan terhadap usaha dan sumbangan dalam pembangunan masyarakat Islam di peringkat antarabangsa, Perdana Menteri Kemboja telah menjemput Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) sebagai salah seorang jemputan untuk menghadiri majlis iftar berprestij di Kemboja. Kerajaan Diraja Kemboja telah menganjurkan Program Iftar Ramadan Muslim Kemboja ke-9, satu acara tahunan yang menghimpunkan lebih 6,200 tetamu termasuk komuniti Muslim Kemboja, pemimpin Muslim antarabangsa, duta besar, pemimpin agama tempatan, wakil NGO, pelajar Muslim, belia, dan para pendidik.



PROGRAM ZIARAH HOSPITAL CYBERJAYA

HOSPITAL CYBERJAYA, 25 MAC 2025 – Program Ziarah Hospital anjuran WADAH telah berlangsung dengan jayanya di Hospital Cyberjaya. Lawatan ini bertujuan menyantuni pesakit yang sedang menerima rawatan serta menyampaikan sumbangan berbentuk pek makanan dan kit keperluan asas. Ziarah ini turut melibatkan interaksi mesra bersama pesakit dan kakitangan hospital. Program ini merupakan salah satu usaha memperkuuh nilai empati dan kasih sayang dalam masyarakat.

JOM DAFTAR
AHLI WADAH




SCAN UNTUK
SUMBANGAN



MAJLIS KHATAM AL-QURAN &IFTAR SWP



25 MAC 2025 - 25 MAC – Sekretariat WADAH Pusat telah menganjurkan Majlis Khatam al-Quran dan Iftar Jama'iy dalam suasana penuh harmoni dan kesyukuran sempena bulan Ramadan al-Mubarak. Majlis ini bertujuan menyuburkan semangat Ramadan dalam kalangan warga WADAH, di samping mengeratkan ukhuwah dan memperkuatkan hubungan sesama warga kerja melalui aktiviti rohani yang bermanfaat.



MESYUARAT BERSAMA PUSAT IDEA UKM

BANGI, 27 MAC – Satu mesyuarat kolaboratif antara Sekretariat WADAH Pusat dan Pusat IDEA Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diadakan hariini bagi membincangkan peluang kerjasama strategik dalam bidang pembangunan intelektual dan pemerkasaan komuniti.

Mesyuarat ini bertujuan memperkuatkan hubungan dua hala serta meneroka inisiatif bersama yang boleh dimanfaatkan kedua-dua pihak, khususnya dalam merangka program yang bersifat ilmiah, advokasi dan pembangunan masyarakat.



MAJLIS IFTAR DI IIUM



GOMBAK, 25 MAC – Majlis Iftar telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan diberkati lagi dengan penyampaian tazkirah oleh Ustaz Naim yang menyentuh tentang keistimewaan bulan Ramadan serta kepentingan memperkuatkan hubungan dengan Allah SWT melalui ibadah dan amal soleh.

Program ini bertujuan menyuburkan penghayatan Ramadan dalam kalangan para peserta serta memupuk nilai kebersamaan dalam suasana yang sederhana namun bermakna.



SERANGAN SIBER MAHB: Sudut Pandang Pakar UPM dan Pimpinan WADAH Berkenaan Risiko Terhadap Keselamatan Negara

KUALA LUMPUR, 27 Mac – Serangan siber terhadap sistem digital Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) baru-baru ini menimbulkan kebimbangan besar terhadap keselamatan infrastruktur kritikal negara, kata Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir dari Fakulti Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga merupakan Naib Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH).

Beliau menegaskan bahawa serangan tersebut bukan sahaja mengancam operasi lapangan terbang, tetapi juga boleh memberi kesan terhadap ketstabilan ekonomi dan keselamatan negara secara keseluruhan. Oleh itu, Dr. Nur Izura menggesa agar pelaburan dalam keselamatan siber dipertingkatkan, terutama dalam sektor yang menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan dan komunikasi negara.



PROGRAM ZIARAH HOSPITAL PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

WADAH Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Yayasan Taqwa telah mengajurkan Program Ziarah Hospital bertempat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) sempena bulan Ramadan ini.



Majlis Khatam Al-Quran 2025

DI MASJID TERAS JERNANG, BANGI



BERITA SALWA

23 MAC 2025 | AHAD

ANJURAN: Masjid Teras Jernang & SALWA Malaysia

ALHAMDULILLAH SALWA Malaysia bersama muslimat Masjid Teras Jernang menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran 2025. Majlis dihadiri oleh seramai 90 orang.

Turut diadakan penyerahan Bakul Kasih Ramadan (BKR) kepada 30 orang asnaf dan pengagihan bubur lambuk kepada semua hadirin. Terima kasih kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan para penyumbang.



Penyerahan Bakul Kasih Ramadan (BKR)

15 MAC 2025 - KAJANG

21 MAC 2025 - IJOK, KUALA SELANGOR

23 MAC 2025 - TERAS JERNANG

JERNANG

SERAMAI 70 orang telah menerima BKR dengan penuh rasa syukur dan gembira. Ramai penerima BKR adalah daripada kalangan ibu tunggal, OKU, warga emas, miskin dan mualaf.

Terima kasih kepada semua penyumbang, YADIM, rakan kerjasama SALWA dan para sukarelawan yang budiman.



Penyerahan Bakul Kasih Ramadan (BKR) 1446H di Masjid Prima Saujana

26 MAC 2025 | RABU
10.30 PAGI – 12.00 TENGAH HARI

SERAMAI 20 orang telah menerima BKR dengan penuh rasa syukur dan gembira. Penerima BKR adalah daripada kalangan ibu tunggal, OKU, warga emas, miskin dan asnaf kawasan Saujana Kajang.

Terima kasih kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).



Penyerahan Bakul Kasih Ramadan (BKR) 1446H Di Anjung Rahmat Sungai Merab

28 MAC 2025 | JUMAAT
11.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI

SERAMAI 10 orang telah menerima BKR dengan penuh rasa syukur dan gembira. Penerima BKR adalah daripada kalangan ibu tunggal, OKU, warga emas, miskin dan asnaf kawasan Sungai Merab, Kajang.

Terima kasih kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).



GAMBAR PROGRAM BULANAN WADAH



BICARA AD-DIN
Ustaz Ismail Che Ku Kupasan Kitab Siri 266

Hikmah 168:
“Apa yang Berlaku Atas Kehendak Allah”

Kitab Hikam Ibn A’taillah As Sakandari
Jam 4:00 Petang

9 Januari 2025 | Khamis

LIVE **YouTube Live** Siaran langsung di WAPTv Malaysia

BICARA AD-DIN
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



Afala يَتَابَرُونَ الْقُرْآنَ

Kelas Afala Yatabarrunal Qur'an
SIRI 16

9 JANUARI 2025 (KHAMIS)

9.30 – 11.00 PAGI

DEWAN KULIAH ANJUNG RAHMAT, SG. MERAB, BANGI

Ustaz Mohd Naim Mohd Noor Esco Wadah Malaysia



Usrah Anjung Rahmat
2 Januari 2025
Hari Khamis
Jam 9:00 Malam

Meeting ID: 850 9952 2438
Passcode: 016031

Pakej 'A':
Tafsir & Tarbiyah ruhiyyah

Untuk info lanjut, hubungi 013-716 7036/ 018-231 0643

USRAH ANJUNG RAHMAT
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



KELAS AFALA YATABARRUNAL QURAN BICARA AD-DIN
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU
MINGGU 1 & MINGGU 3 SETIAP BULAN

USRAH STAF SEKRETARIAT WADAH PUSAT
HARI JUMAAT SETIAP MINGGU



Usrah Ilmuwan - Siri 199

SAINS UKHUWAH : DI MANA TAHAP ANDA?
“Science of Brotherhood: What is Your Status?”

13 Januari 2025 (ISNIN) | 09:00 – 10:00 MALAM
#IlmuwanTerakhyeraUmmah

Pembicara:
Dato' Prof. Dr. Kamarulazizi I
Pengerusi,
Kluster Sains dan Pembangunan Masyarakat Ilmuwan ABIM.

Haydar Zabri
PIM,
UNISEL Shah Alam.

USRAH ILMUWAN
HARI ISNIN SETIAP MINGGU



مسرة مای

USRAH MAYA
WADAH PUSAT

USRAH WADAH PUSAT
HARI SELASA SETIAP MINGGU